

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 09/04/2020

Sumbangan kepada Tabung Covid-19 daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam



SUMBANGAN KEPADA TABUNG COVID-19 DARIPADA KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM

Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi turut peka terhadap situasi semasa negara. Mesyuarat bersama Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan pada 7 April 2020 telah bersetuju untuk menyumbang kepada Tabung COVID-19 melalui pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) kepada Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

Kadar pengurangan ITK bagi Gred Utama/Khas B dan C adalah sebanyak 5 peratus serta 10 peratus bagi Gred Utama/Gred Khas A dan ke atas. Pengurangan ITK ini dikecualikan kepada pegawai petugas barisan hadapan yang menerima elaun khas dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Segala penjimatan daripada pengurangan ITK akan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19.

Inisiatif ini dilaksanakan atas rasa tanggungjawab para penjawat awam dan sebagai tanda sokongan kepada negara dalam menangani penularan wabak COVID-19.

MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

9 April 2020

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/17>